



الضوابط

جائزہ انکار اسلام فیرف

OKTOBER 2020

PERJALANAN
IBADAH
HAJI

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JLN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK
EMEL: ukmjaipk@gmail.com
TEL : 05-208 4896
FAKS : 05-241 0406



COVID19

AMBILLAH PENGAJARAN RASULULLAH SAW

menarik...

**PERHUBUNGAN ANTARA
MUABBAD
DAN GHAIRU
MUABBAD**

**KENALI
JENIS
TALAK**

**PEREMPUAN
PERKASA
"SANG PERISAI
RASULLAH"**





Amanat Pengarah JAIPK

Assalamualaikum
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian milik Allah SWT, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam kepada junjungan kita 'Nabiullah', Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat RA., serta yang ikhlas menjejak hingga tibanya hari perhitungan.

Pandemik COVID-19 menyebabkan kehidupan global terganggu seketika dan hampir seluruh dunia mengambil langkah pencegahan atas nama Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penyebaran virus ini. Semua pihak dikehendaki mengamalkan norma baharu dalam kehidupan dalam semua keadaan.

Fakta-fakta menunjukkan bahawa COVID-19 sudah pasti akan mengubah kebiasaan dunia dari pelbagai aspek sehinggalah vaksin pencegahan dapat dihasilkan. Ia membuka ruang baru kepada semua pihak mengambil peluang untuk melakukan inisiatif baharu atau setidak-tidaknya menaik taraf semua keperluan.

Kini, kita berada di awal tahun 1442 Hijrah dan akan menuju Abad ke-16 Hijrah sekitar 50 tahun mendatang. Kesempatan yang ada wajar digunakan untuk melakar masa hadapan negara yang lebih gemilang memandangkan pandemik Covid-19 seakan sedang memberikan peluang sama rata kepada negara-negara di dunia untuk bangkit dan menyusun kembali kekuatan.

Selain redha dengan ketentuan Allah Rabbul Jalil, pandemik ini boleh diatasi menerusi sikap mulia dan kesungguhan serta usaha kita. Rakyat Negeri Perak adalah diseru untuk patuh kepada arahan pihak berkuasa, mematuhi undang-undang dan menghayati rukun negara. Islam mengajar agar kita sentiasa berusaha disusuli pergantungan sepenuhnya kepada Allah Yang Maha Esa kerana pandemik ini sudah tentu mempunyai hikmah dan pengajaran di sebaliknya. Jauhi sikap individualistik dan egoistik kerana ia adalah lambang kegagalan sebuah tamadun kehidupan. Sesungguhnya kehidupan secara jamaie atau kolektif adalah pilihan kita.

Sekian, Wabillahi at-Taufiq Wa al-Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

S.F DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN
Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak

ISI KANDUNGAN

EDISI 1 / 2020

- 4 **Hadis Dan Doa Pilihan** : Cintakan Negara
- 5 **Pengendalian Wabak** :
Pengajaran Dari Rasulullah SAW
- 6 **Kepentingan Penjagaan Kesihatan**
Cabaran Emosi Ketika Pandemik & Cara Mengatasinya
- 7 **Kaitan Solat** Dengan Isu Perceraian
- 8 **Kenali** Jenis-Jenis Talak
- 9 **Wanita Perkasa** :
Sang Perisai Rasulullah SAW
- 10 **Syah Menjaja Ajaran Sesat** : Nikah Mut'ah
- 11 **Perhubungan Antara** Muabbad Dan Ghairu Muabbad
- 12 **Apakah Itu** Jenayah Parcel Scam?
- 13 **Fahami Sejarah** Maal Hijrah
- 14 **Intisari** Khutbah
- 15 **Warta** JAIPk
- 16 **Warta** JAIPk
- 17 **Warta** JAIPk
- 18 **Peraduan** Teka Silang Kata
- 19 **Soal Jawab** Pengubatan Islam

SIDANG PENGARANG

PENERBIT :

Jabatan Agama Islam Perak

Ketua Pengarang :

Mohd Azam Bin Hamzah, A.M.P

Ketua Editor :

Ideris Bin Isahak

Editor :

Nadya Bt Jamri

Muhamad Shahir Bin Zainul Mokhtar

Wan Suzana Bt Mior Azimi

Ahmad Aiman Bin Abdullah Chik



Hadis Dan Doa Pilihan

Cintakan Negara

اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَحُبِّنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ

“Ya Allah, jadikan kami mencintai Madinah seperti cinta kami kepada Makkah, atau melebihi cinta kami pada Makkah.” (HR al-Bukhari 7/161)

- Nabi SAW menggambarkan cintanya kepada *Makkah Al Mukarramah* dan *Madinah Al Munawwarah* di dalam hadis ini.
- Cinta kepada negara merupakan satu tuntutan dalam agama Islam. Ini ditunjukkan oleh baginda SAW yang telah meluahkan rasa kecintaan yang amat mendalam terhadap kota Mekah ketika terpaksa berhijrah dari Mekah ke Madinah.
- Amalan Nabi Muhammad SAW dan sahabat RA yang jelas menunjukkan mencintai negara ialah sifat semula jadi yang ada dalam diri manusia.
- Orang Islam perlu kembali kepada ajaran Islam untuk benar-benar mencintai tanah air
- Dengan timbul rasa cinta kepada tanah air, maka warganegara akan terus memperjuangkan keamanan dan kemakmuran negara daripada anasir luar dan penjajahan tidak kira dalam bentuk fizikal atau pun juga dalam bentuk pemikiran.

Doa Memohon Perlindungan Dari Wabak Penyakit

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

“Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.”

(Hadis Riwayat Abu Daud)

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dengan nama Allah yang tidak memberi mudharat akan sesuatu yang di bumi dan yang di langit (selagi) bersama dengan Nama-Nya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, Tirmidzi)

Pengendalian Wabak : PENGAJARAN DARIPADA RASULULLAH SAW

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Saidina Usamah bin Zaid RA pernah menceritakan kepada Sa'd, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sekiranya kamu mendengar tentang (penyebaran) wabak di sesuatu tempat, maka janganlah kamu masuk. Dan sekiranya kamu sudah berada dalam kawasan (penularan wabak) tersebut, maka janganlah kamu keluar darinya." (Sahih al-Bukhari)

Aplikasi hari ini :

Kerajaan Malaysia telah menjalankan beberapa jenis Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penyebaran wabak ini. Semasa PKP ini dijalankan, semua rakyat Malaysia dikehendaki duduk sahaja di rumah dan tidak dibenarkan keluar rumah kecuali mempunyai urusan yang sangat penting dan ketua keluarga sahaja yang dibenarkan untuk menyelesaikan urusan penting tersebut.

PENJARAKAN SOSIAL DAN FIZIKAL

Kata Abu Hurairah RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada ramalan buruk, tiada sial burung hantu dan tiada sial bulan Safar, dan larilah daripada pesakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa." (Sahih al-Bukhari)

Aplikasi hari ini :

Nabi SAW menasihati agar menjauhi orang yang dijangkiti kusta seperti kita melarikan diri daripada singa. Masa kini, pihak berkuasa khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihati agar sentiasa menjaga jarak sosial dan fizikal sekurang-kurangnya satu meter. Seluruh rakyat Malaysia juga dinasihatkan untuk mengelakkan daripada hadir ke tempat awam yang sesak dan sempit agar wabak tidak mudah merebak dan berjangkit antara satu sama lain..

PERINTAH KUARANTIN

Daripada Abi Salamah, bahawa dia mendengar Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Janganlah didatangkan yang sakit kepada yang sihat (Sahih al-Bukhari)

Aplikasi hari ini :

KKM telah mengarahkan sesiapa sahaja yang mengalami simptom-simptom seperti demam, batuk dan sakit tekak untuk kuarantin di rumah selama 14 hari dan tidak dibenarkan untuk keluar rumah. Begitu juga kepada mereka yang dibawa pulang dari satu tempat ke tempat lain (dalam negara) wajib menjalani kuarantin di rumah.

Bagi yang dibawa pulang dari luar Negara dan tanah air, mereka telah diwajibkan oleh kerajaan untuk menjalani kuarantin di tempat khusus dan juga wajib menjalani saringan kesihatan pengesanan jangkitan wabak.

KELONGGARAN SOLAT BERJEMAAH

"Daripada Abdullah bin Abbas RA sesungguhnya beliau pernah berkata kepada tukang azan pada hari hujan yang sangat lebat: Setelah engkau mengucapkan "Asyhadu An La Ilaha Illallah wa Asyhadu Anna Muhammadan Rasulullah," maka janganlah engkau sebutkan "Hayya 'Ala Solat" tetapi ucapkanlah "Sollu Fi Buyutikum." Para pendengar ketika itu seakan terkejut dan membantah. Lalu Abdullah ibn Abbas RA berkata: Apakah kamu terkejut? Sesungguhnya perkara ini pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dariku (iaitu Rasulullah). Sesungguhnya solat Jumaat merupakan suatu kewajipan, dan aku tidak suka untuk menyusahkan kamu apabila terpaksa keluar berjalan dalam lumpur dan licin." (Sahih al-Bukhari)

Aplikasi hari ini :

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), pihak berkuasa agama negeri telah mengeluarkan fatwa dan arahan untuk solat berjemaah di rumah selaras dengan hadis di atas. Ia termasuklah menggantikan solat fardhu Jumaat kepada solat zohor dan solat sunat hari raya di rumah.

PATUH KEPADA ARAHAN YANG DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN

Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kamu mendengar dan mentaati (perintah pemimpin) dalam keadaan susah atau senang, dalam keadaan kamu rela menerima perintah itu ataupun dalam keadaan kamu membencinya dan juga dalam hal yang mengalahkan kepentingan dirimu sendiri." (Sahih Muslim)

Aplikasi hari ini :

Setiap arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat, antaranya;

1. Wajib memakai pelitup muka di tempat awam
2. Sentiasa membasuh tangan
3. Tidak keluar rumah dan keluar jika perlu sahaja
4. Hanya ketua keluarga sahaja yang dibenarkan keluar rumah
5. Daftar diri untuk memasuki sebarang premis.

SERAH KEPADA YANG PAKAR

Daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW berjalan berdekatan dengan satu kumpulan manusia yang sedang mengahwinkan (mendebugakan) pokok lalu Baginda bersabda: "Kalaulah kamu tidak melakukannya, tentu akan baik. Kemudian perawi berkata: Lalu keluarlah buah yang kemek (buah yang tidak menjadi). Baginda SAW kemudiannya lalu berdekatan dengan mereka sambil bertanya: "Apakah yang terjadi kepada pokok tamar kamu? Mereka berkata: Tuan telah menyebutkan dahulu sekian-sekian (iaitu Rasulullah SAW melarang proses pendebungaan sebelum ini)." Baginda menjawab: "Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu." (Sahih Muslim)

Aplikasi hari ini :

Sentiasalah mendapatkan maklumat yang tepat daripada pihak pakar dan berautoriti. Kita dilarang sama sekali untuk membuat sebarang spekulasi dan berita palsu agar tidak mendatangkan kekusaran kepada orang lain. Selain itu, kita mestilah patuh kepada arahan dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agar dapat mengekang penularan wabak penyakit ini.

KEMBALI KEPADA ALLAH SWT

Daripada Anas RA, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya besarnya ganjaran pahala seseorang itu datang bersama besarnya ujian bala terhadapnya. Dan Sesungguhnya sekiranya Allah menyayangi sesuatu kaum, maka Dia akan menimpakan kaum itu dengan ujian. Andainya mereka reda dengan ujian tersebut, maka dia akan mendapat keredaan Allah. Namun sekiranya dia marah dengan ujian bala tersebut, maka dia akan ditimpa kemarahan dari Tuhan. (Jami' al-Tirmizi - dinilai Hasan oleh al-Tirmizi)

Bersabarlah di atas ujian yang menimpa. Orang bersabar itu akan menggagap apa yang telah berlaku itu adalah ujian keimanan kepada dirinya oleh Allah SWT. Banyakkanlah doa agar Allah SWT mengangkat ujian ini daripada kita.

Cabaran Emosi Ketika Pandemi & Cara Mengatasinya

Berlakunya pandemik COVID-19 di seluruh dunia maka tercetuslah perasaan bimbang, resah dan cemas. Tidak kurang juga masalah bebanan kewangan, gaya hidup norma baharu serta masalah-masalah lain yang mengganggu pemikiran setiap individu. Jangan khuatir kerana ia adalah perasaan yang normal untuk seseorang memberi tindak balas kepada faktor persekitaran yang menjadi pencetus kepada masalah stres di kalangan individu. Apa yang penting, kita perlu kekal tenang dan sentiasa berfikir positif bahawa kita tidak keseorangan dan masih ramai di luar sana yang sama-sama turut berjuang melawan pandemik ini.

Antara kaedah yang disarankan untuk mengatasi masalah emosi ketika pandemik ini adalah dengan cara :

Cabaran Emosi Ketika Pandemi Dan Cara Mengatasinya

1 BERTENANG
Teruskan sikap bertenang sekiranya berasa stres. Bertenang boleh membantu mengurangkan stres dengan menghentikan kitaran stres di peringkat permulaan.

2 BERNAFAS DENGAN DALAM
Pernafasan melalui bahagian abdomen adalah cara pernafasan terbaik, kita bernafas dengan lebih perlahan, panjang dan lebih dalam. Bernafas dengan teknik yang betul mampu memberi ketenangan kepada individu.

3 BERIADAH
Aktiviti riadah seperti berkelah, berenang, mendaki bukit, berkhemah, melakukan hobi atau aktiviti yang disukai boleh menenangkan fikiran dan mengurangkan stres.

4 BERSENAM
Bersenam dapat meningkatkan pengeluaran hormon endorfin, mengurangkan ketegangan otot dan stres. Antara jenis senaman yang boleh dilakukan adalah berjalan atau bersenam-robik.

5 BERFIKIRAN POSITIF
Melihat kebaikan dalam mana-mana situasi bersifat negatif. Tumpukan kepada perkara yang baik dan apa yang boleh dilakukan dalam situasi tersebut.

PESANAN HIKMAH
Apa jua yang berlaku pasti ada hikmahnya. Begitu juga isu pandemik ini. Sebagai seorang Muslim, teruskan berdoa dan muhasabah diri. Setiap ujian yang Allah SWT berikan kepada kita adalah untuk menilai sejauh manakah pergantungan kita kepada Allah SWT selain mengajar kita untuk lebih bersedia menempuh ujian akhir zaman.

Sumber : Panduan Menangani Stres, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apa Kaitan Solat Dengan Isu

PERCERAIAN?

1. Hidup berpasangan adalah fitrah semula jadi dan setiap sesuatu itu ada pasangannya, umpama siang dengan malam, pasang dengan surut. Begitu juga dengan manusia melalui perkahwinan menemukan pasangan untuk mengharungi segala suka duka kehidupan.

2. Dalam al-Quran, perbincangan berhubung isu talak dan perceraian dibincangkan dalam Surah al-Baqarah. Anehnya, di celah perbincangan berkenaan hukum perceraian ini, Allah selitkan penegasan tentang kepentingan menjaga solat. Timbul persoalan di sini, mengapa Allah sebut perihal solat di celah perbincangan isu perceraian?

3. Al-Imam Burhanuddin al-Biqai' menjelaskan satu pandangan yang menarik. Beliau menggambarkan bagaimana isu perceraian ini adalah satu masalah yang sangat kompleks serta memenatkan jiwa dan akal manusia. Lalu Allah menawarkan solusi dalam menghadapi kemelut ini dengan arahan supaya menjaga solat. Kata al-Biqai' :

"Urusan perceraian ini sentiasa memenatkan manusia (jiwa dan fizikalnya), perceraian menjadikan manusia resah siang dan malam lalu Allah membimbing manusia (dengan arahan menghadapi situasi runding ini) dengan

mendirikan solat" (al-Biqai', Nuzum al-Durar).

4. Pandangan yang hampir sama diutarakan oleh Dr. Khalid al-Sabt. Beliau menjelaskan bahawa permasalahan rumah tangga seharusnya ditangani dengan memohon bantuan dari Allah melalui solat. Kata beliau:

"Sesungguhnya Allah menyebutkan tentang arahan mendirikan solat di celah perbincangan tentang hukum (perceraian) adalah bagi menunjukkan keperluan memohon bantuan dengan solat. Ia adalah jalan keluar kepada masalah yang dilalui oleh manusia."

5. Pandangan yang lebih kritis diutarakan oleh Mufti Wilayah yang menyebutkan bahawa salah satu punca perceraian adalah kerana kegagalan keluarga untuk mendirikan solat jemaah bersama. Solat berjemaah bersama barangkali boleh membantu dalam membina hubungan kekeluargaan yang baik. Sekiranya kita jaga hubungan dengan Allah, mudah-mudahan Allah memelihara hubungan kita sesama manusia.

6. Sebahagian penulis pula mengaitkan isu perceraian dengan kegagalan melaksanakan perintah

solat. Mereka menyandarkan pandangan mereka pada hadith al-Bukhari yang menyebutkan:

"Mereka yang meninggalkan solat asar, seumpama mereka terputus hubungan dengan ahli keluarga dan harta mereka." (HR al-Bukhari)

7. Lihatlah betapa besarnya peranan solat dalam membimbing kehidupan kekeluargaan manusia. Apa sahaja masalah yang kita hadapi maka mengadulah pada Allah. Bukan mengadu di dalam Facebook.

8. Perceraian adalah solusi terakhir. Allah sebutkan juga tentang perceraian dalam al-Quran. Dengan itu jangan juga kita berburuk sangka bahawa yang bercerai itu tidak solat. Apa yg ingin ditekankan adalah, ketika manusia mempunyai masalah, maka mengadulah pada Allah.

9. Percayalah bahawa hanya Allah yang memegang jiwa manusia. Allah berupaya menjadikan hati seseorang berubah dari benci kepada sayang. Hanya kepada Allah, tempat seorang hamba mengadu.

Semoga Allah membimbing kita.

Kredit: Dr Ahmad Sanusi Azmi

Kenali JENIS-JENIS TALAK

Al-talak (الطلاق) berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud melepaskan atau membuka ikatan. Talak dari segi syarak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan perkataan yang jelas (صريح) atau sindiran (كناية).

Pembahagian Talak ialah :

Talak Raj'ie

Seorang suami yang menceraikan isterinya dan masih boleh merujuk kembali tanpa akad nikah atau acara pernikahan dengan syarat isterinya itu masih berada dalam tempoh eddah.

Contoh : Cerai talak 1 dan talak 2

Talak Bain

Talak Bain (Sughra)

Talak yang jatuh serta merta pada masa talak dilafazkan dan semua hak-hak isteri terputus apabila dijatuhkan talak.

Sekiranya suami ingin kembali bersama isterinya maka perlulah suami menikahinya dengan mas kahwin yang baru.

Contoh : Cerai secara Khuluk (tebus talak) atau Fasakh.

Talak Bain (Kubra)

Talak yang dilafazkan oleh suami yang mana semua perhubungan suami isteri terputus setelah talak dijatuhkan.

Suami tidak boleh merujuk dengan isterinya melainkan bekas isterinya berkahwin dengan lelaki lain, bersetubuh dengan suami barunya dan menceraikannya dan bekas suami pertamanya boleh berkahwin dengan bekas isterinya setelah tamat tempoh eddah.

Contoh : Cerai talak tiga

HADIS TALAK

أَبْغَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الطَّلَاقُ

“Perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah SWT ialah perceraian.”

(Riwayat Abu Daud, No 2178)

Wanita Perkasa "Sang Perisai Rasulullah"

Nusaibah Binti Ka'ab Al-Ansariah

Beliau adalah Nusaibah Binti Ka'ab bin 'Amr bin 'Auf bin Mabzul al-Anshariah al-Khazriah an-Najjariah al-Maziniah. Lazimnya beliau digelar dengan Ummu 'Imarah atau Ummu Umara. Beliau disegani kerana ibadah, kewarakan, keimanan serta figure perjuangan dan pengorbanan demi Islam.

Ummu Umara dikurniakan 2 orang anak bernama Habib dan Abdullah ketika bersama suaminya yang pertama iaitu Zaid bin Ashim. Kemudian berkahwin dengan Ghaziah bin Amrin dan memperoleh 2 orang anak bernama Tamim dan Khaulah selepas kematian Zaid.

Nusaibah adalah mujahidah yang sentiasa bersedia menginfakkan diri untuk perjuangan menegakkan Islam. Beliau seringkali membantu merawat serta memberi minum pasukan tentera dalam peperangan. Kesediaannya terjun ke medan perang dan sentiasa berusaha melindungi serta mewaspadaai Rasulullah dengan perisainya daripada jangkauan musuh amat dikagumi sehingga terkenal dengan julukan "Sang Perisai Rasulullah SAW".

Mengakui kekentalannya dalam medan jihad, namun beliau juga seorang isteri dan ibu mithali yang sentiasa memberi suntikan semangat kepada suami dan anak-anaknya untuk sama-sama merindui syahid. Nusaibah bersama suami dan putra-putranya telah menyertai berbagai peperangan antaranya perang Uhud, Khaibar,


Hunain dan Yamamah. Beliau juga telah menjadi saksi Baiah al-Aqabah dan Hudaibiah.

Perang Yamamah adalah perang bagi memerangi golongan murtad yang diketuai Musailamah al-Kazzab dan inilah perang terakhir yang disertai Nusaibah. Beliau pulang dari peperangan Yamamah dengan dua belas luka pada tubuhnya setelah kehilangan satu tangannya serta kehilangan anaknya yang terakhir iaitu Abdullah. Dikhabarkan beliau wafat beberapa tahun selepas itu. Namun begitu beliau mendapat khabar gembira tentang syurga berikutan tangan yang telah mendahuluinya dalam perang Yamamah serta doa dari Nabi Muhammad SAW untuknya dan keluarganya.

Moga kita dianugerahkan semangat dan kekentalan seperti Nusaibah yang sentiasa mencari peluang dan ruang menempatkan dirinya sebagai salah seorang yang dicatat oleh Allah sebagai pejuang yang memartabatkan Islam. Amin.

INFO

Kesungguhan Nusaibah melindungi Rasulullah begitu hebat, hingga Rasulullah SAW berkata, *"Aku tidak menoleh ke kiri dan ke kanan kecuali melihat Ummu Imarah (Nusaibah) berperang dihadapanku."*



Perjalanan HAJI

- DALAM PERJALANAN LALU DI MIQAT (QARNUL MANAZIL) NIAT UMRAH
- DALAM PERJALANAN LALU DI MIQAT (QARNUL MANAZIL) NIAT HAJI
- DALAM PERJALANAN LALU DI MIQAT (QARNUL MANAZIL) NIAT HAJI QIRAN (UMRAH & HAJI)

BERADA DI MADINAH

NIAT IHRAM UNTUK UMRAH

TAWAF UMRAH DI MASJID AL-HARAM
TAWAF QUDUM (SUNAT) DI MASJID AL-HARAM

- 1 HAJI TAMATTU'
- 2 HAJI TAMATTU'
- 3 HAJI IFRAD
- 4 HAJI QIRAN


KUMPULAN PERTAMA KE MEKKAH DAN PULANG KE TANAH AIR (1 ZULKAEDAH - 15 ZULKAEDAH)

KUMPULAN KEDUA KE MEKKAH DAN PULANG KE TANAH AIR (16 ZULKAEDAH - 3 ZULHIJAH)

MELAKSANAKAN IBADAH HAJI DAN PULANG KE TANAH AIR (SEBAGAI IHRAM HAJI)

MELAKSANAKAN IBADAH HAJI DAN UMRAH DAN PULANG KE TANAH AIR (SEBAGAI IHRAM HAJI DAN UMRAH)





SA'IE

BERTAHALUL
MENGGUNTING
RAMBUT

ARAFAH
BERMALAM

WUQUF

ANTARA BUKIT SAFA
DAN MARWAH

● SA-IE UMRAH

● SA-IE HAJI

● ● MEMAKAI PAKAIAN
IHRAM HAJI
8 ZULHIJJAH
BERNIAT IHRAM HAJI

● ● TERUS KEKAL
MEMAKAI IHRAM

SELEPAS WAKTU ZOHOR
9 ZULHIJJAH

SELEPAS ASAR 9
ZULHIJJAH, BERGERAK
DAN BERMALAM

MUZDALIFAH

BERGERAK
10 ZULHIJJAH

MINA

MEKAH

MELONTAR

● ● MELAKUKAN TAWAF HAJI DI
MASJIDIL HARAM
MELAKUKAN SAIE HAJI

● ● MELAKUKAN TAWAF HAJI DI
MASJIDIL HARAM

MELONTAR JAMRAH KUBRO -7 BIJI BATU

BERGUNTING/BERCUKUR (TAHALLUL AWWAL)

TAHALLUL AWWAL

(BEBAS 10 LARANGAN IHRAM, BOLEH PAKAI BAJU BIASA)

BERMALAM DI MINA PADA HARI-HARI TASYRIK (11,12,13 ZH)

11 ZULHIJJAH

MELONTAR 7 BIJI KETIGA-TIGA JAMRAH
(SUGHRO, WUSTO & KUBRO)

12 ZULHIJJAH

MELONTAR 7 BIJI KETIGA-TIGA JAMRAH
(SUGHRO, WUSTO & KUBRO)

13 ZULHIJJAH

MELONTAR 7 BIJI KETIGA-TIGA JAMRAH
(SUGHRO, WUSTO & KUBRO)

BAGI YANG NAFAR AWAL HANYA MELONTAR
SEHINGGA 12 ZULHIJJAH SAHAJA
BAGI YANG NAFAR THANI PERLU MELONTAR SEHINGGA 13 ZULHIJJAH
NAFAR AWWAL – (BALIK KE MEKAH AWAL PADA 12 ZULHIJJAH)
NAFAR THANI – (BALIK KE MEKAH PADA 13 ZULHIJJAH)

MABRUR

TERBITAN: جابتہ اکامر اسلام اؤر

PERAK

Syiah Menjaja Ajaran Sesat : **NIKAH MUT'AH**

Definisi:

Dari segi bahasa, nikah mut'ah adalah segala sesuatu yang dapat dimanfaatkan dan orang suka bagi memilikinya. Dari sudut istilah ialah perkahwinan yang dilakukan untuk waktu tertentu dengan memberikan sesuatu sesuai dengan kesepakatan dan berakhir dengan waktu tertentu tanpa ada talak.



Sebab-Sebab Nikah Mut'ah **DIHARAMKAN**

- Isteri tidak boleh dikontrakkan sama ada dalam tempoh jam, hari, minggu atau bulan.
- Meminjam isteri bukanlah amalan dalam Islam, begitu juga menyewa isteri di dalam Islam.
- Tujuan nikah hanyalah untuk keseronokan dan melepaskan nafsu syahwat semata-mata dan bukan untuk memperoleh zuriat.
- Amalan ini menunjukkan betapa rendahnya martabat wanita yang boleh dinikahi dan diceraikan pada bila-bila masa.
- Perhubungan yang dibina adalah memberi kezaliman kepada kaum perempuan.

TAHUKAH ANDA

Isteri adalah amanah Allah kepada suami untuk dimuliakan, dikasihi, disayangi dan diberi hak-haknya seperti termaktub dalam nas al-Qur'an, hadith dan pandangan fuqaha'

ENAKMEN JENAYAH (SYARIAH) 1992 SEKSYEN 45 (1) (2) PERHUBUNGAN *MUABBAD* DAN *GHAIRU MUABBAD*

Seseorang lelaki atau perempuan yang melakukan persetubuhan atau kelakuan sumbang di mana hubungan antara mereka adalah *Muabbad* atau *Ghairu Muabbad* adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan jika disabitkan.

Dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji*, membahagi perempuan yang haram dinikahi atau mahram menjadi dua kategori :

1) Haram Selamanya (*Muabbad*)

Haram selamanya disebabkan 3 faktor :-

Hubungan Keturunan (Nasab)

- a. ibu, nenek sebelah ibu dan sebelah bapa
- b. anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki dan cucu perempuan dari anak perempuan
- c. adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa @seibu
- d. anak perempuan kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa atau sebapa atau seibu
- e. anak perempuan kepada adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu
- f. ibu saudara sebelah bapa iaitu adik-beradik perempuan kepada bapa. Begitu juga ibu saudara sebelah bapa sebapa dan ibu saudara sebelah bapa seibu.
- g. ibu saudara sebelah ibu iaitu adik-beradik perempuan kepada ibu. Begitu juga ibu saudara sebelah ibu sebapa dan ibu saudara sebelah ibu seibu.

Hubungan Perkahwinan

- a. isteri bapa (ibu tiri)
- b. isteri anak (menantu)
- c. ibu mertua

Faktor Penyusuan

- a. ibu susuan
- b. adik-beradik perempuan susuan
- c. anak perempuan kepada adik-beradik lelaki susuan
- d. anak perempuan kepada adik-beradik perempuan susuan
- e. ibu saudara susuan, iaitu adik-beradik susuan dengan bapamu
- f. ibu saudara susuan, iaitu adik-beradik susuan dengan ibumumu
- g. anak perempuan susuan, iaitu perempuan yang menyusu dengan isterimu

2) Haram Untuk Sementara (*Ghairu Muabbad*)

Perempuan yang haram dikahwini untuk sementara waktu sahaja ialah perempuan yang haram dikahwini disebabkan oleh halangan-halangan tertentu. Jika halangan itu hilang, perempuan itu boleh dikahwini. Antaranya ialah :-

Berkahwin dengan dua beradik perempuan sekali gus

Memadukan seorang perempuan dengan ibu saudara sebelah ibunya @ ibu saudara sebelah bapanya

Berkahwin lebih dari 4 perempuan

Perempuan kafir yang menyembah berhala

Perempuan yang berkahwin (mempunyai suami)

Perempuan yang masih dalam eddah

Perempuan yang diceraikan dengan talak tiga

JIKA DISABITKAN KESALAHAN

Seksyen 45 (1)

Denda tidak melebihi RM5000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi 6 kali

Seksyen 45 (2)

Denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi 3 kali

Apakah Itu Jenayah **PARCEL SCAM?**

PUNCA

**Kenalan Di Media Sosial
Peraduan Palsu**

Parcel scam ini adalah satu salah jenayah siber melalui janji kiriman hadiah atau kiriman bungkusan yang dihantar kepada kita oleh individu sama ada ingin menjalin perhubungan atau peraduan di media sosial menyebabkan kita kerugian sejumlah wang bagi tujuan pembayaran kos bungkusan kiriman tersebut dengan pelbagai taktik.

**AWASI DIRI
ANDA
JANGAN
TERPEDAYA!**

PERINGATAN

Sebarang Penipuan Yang Dilakukan Di Alam Maya Dan Alam Nyata Hukumnya Adalah Haram Dan Berdosa Besar!

MODUS OPERANDI

Kenalan di media tersebut mengirimkan hadiah istimewa kepada mangsa.

Kemudian, mangsa telah dihubungi oleh pihak berkuasa atau syarikat kurier mengatakan hadiah tersebut telah ditahan oleh pihak penguatkuasa.

Mangsa perlu bayar sejumlah wang untuk melepaskan semula barang tersebut.

Bayaran melalui transaksi online ke akaun yang dikemukakan syarikat kurier / pihak penguatkuasa.

Sebenarnya hadiah tersebut tidak wujud dan kisah di atas hanyalah semata-mata bagi mengaburi mangsa.



Fahami Sejarah MAAL HIJRAH

1. Maal Hijrah merupakan hari kebesaran yang disambut setiap kali tibanya 1 Muharam oleh umat Islam bagi mengingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad dari Mekah ke Madinah.
2. Namun ia bukan sekadar memperingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dan sahabat dari Mekah ke Kota Yathrib (Madinah), sebaliknya hikmah yang cukup besar apabila kaum Muhajirin dan Ansar dipersaudarakan di samping mengatur strategi baru mengembangkan Islam.
3. Susulan peristiwa hijrah itu juga menyaksikan takwim Islam mula diperkenalkan dan menjadi panduan utama kepada urusan ibadah umat Islam.
4. Penggunaan Kalendar Hijrah belum bermula ketika zaman Rasulullah SAW tetapi bermula ketika zaman *khalifah Ar-rasyidin* iaitu zaman pemerintahan Khalifah Saidina Umar Al Khattab.
5. Terdapat banyak cadangan pada ketika itu untuk dijadikan tarikh permulaan Kalendar Hijrah. Ada sahabat mencadangkan untuk mengambil tarikh Nabi dilahirkan, peristiwa kebangkitan Rasulullah sebagai Nabi dan Rasul juga cadangan tahun kewafatan Baginda.
6. Saidina Umar memilih untuk menetapkan perkiraan tahun bagi takwim Islam berdasarkan tahun hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah.
7. Selepas mendapat persetujuan penetapan tahun pertama dalam takwim Islam, timbul pula persoalan bulan pertama dalam *Takwim Hijri*.
8. Saidina Umar memilih bulan Muharam sebagai bulan pertama. Ini disebabkan Muharam adalah bulan umat Islam yang baru saja melaksanakan ibadah haji.
9. Di Malaysia sambutan Maal Hijrah dimulakan dengan menjadikannya sebagai hari kebesaran umat Islam dan diisytiharkan sebagai cuti umum.
10. Kita sebagai muslim hendaklah sentiasa mencontohi pengorbanan Rasul SAW dan para sahabatnya yang meninggalkan segala kemewahan mereka di bumi Mekah demi mendaulatkan agama Allah.
11. Tema sambutan Maal Hijrah dan Maulidur Rasul SAW peringkat Kebangsaan tahun 1442H/2020M adalah "Ummah Rabbani Negara Harmoni" diharap akan meniupkan semangat membara demi agama.

Tema Maal Hijrah 1442H : 'Ummah Rabbani Negara Harmoni'

- Tema itu bertepatan dengan realiti kehidupan rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang bangsa, bahasa dan agama dengan mengambil contoh di zaman Nabi Muhammad SAW.
- Ummah Rabbani teras kekuatannya adalah modal insan yang berkualiti dan tunjang dalam membina Negara yang harmoni dan seimbang di setiap faktor antara agama, ekonomi, masyarakat dan sebagainya.
- Konsep negara harmoni dalam kepelbagaian ini amat berkait rapat dengan maqasid syariah dan perkara ini turut dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali sebagai masalah yang mengambil manfaat dan menolak keburukan.

PAHLAWAN : "Hakikat Pengorbanan"

31 Julai 2020 / 10 Zulhijjah 1441H

1

Hari pahlawan adalah hari memperingati jasa dan pengorbanan para pahlawan negara berasaskan prinsip maqosid syariah.

2

Pahlawan dapat di ertikan sebagai orang yang berjuang menegakkan kebenaran demi keredhaan Allah S.W.T

3

Akidah merupakan teras utama dalam usaha melahirkan pahlawan yang berjiwa kental demi agama.

4

Perjuangan bermula dengan mengislah diri sendiri, memimpin ahli keluarga dan mengajak masyarakat berlandaskan syariat Islam yang sebenar.

5

Setiap individu muslim yang berperanan mengekang penyebaran wabak terutamanya barisan hadapan adalah disifatkan sebagai pahlawan.

HIJRAH : "Penyatuan Ummah"

21 Ogos 2020 / 02 Muharam 1442H

Keistimewaan Zulhijjah Terletak Pada 10 Hari Terawal Bulan Tersebut

- Hari Arafah: Hari di mana semua doa dimakbulkan
- Hari penyembelihan : Ibadah Korban
- Hari Tarwiyah: Ia membawa dua maksud iaitu :
 - hari di mana para jemaah haji mempersiapkan bekalan air sebelum menuju ke Arafah
 - hari di mana Nabi Ibrahim AS mendapat wahyu daripada Allah SWT untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail AS. Mimpi tersebut telah membuatkan Nabi Ibrahim AS tertanya-tanya pada dirinya.

1

Bulan Muharam merupakan bulan pertama dalam kalendar Islam yang mula digunakan secara rasmi pada zaman Saidina Umar bin Khattab.

2

Muharam merupakan salah satu dari 4 bulan yang dimulakan. Antara peristiwa utama yang berlaku ialah penghijrahan umat Islam ke Madinah untuk mencari tapak baru kepada dakwah Islam.

3

Bulan Muharam jelas menunjukkan bahawa peristiwa hijrah membawa kepada penyatuan dan muafakat antara kaum Aus dan Khazraj demi kepentingan islam.

4

Asas utama dakwah Rasulullah S.A.W & para sahabat adalah menjadikan agama Allah teras penyatuan ummah.

5

Negara yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW adalah berdasarkan kesejahteraan dan keharmonian serta menafikan segala bentuk fanatik atau taksub kelompok.

6

Hijrah bukan sekadar berpindah tempat, ia juga bermaksud perubahan sikap, tingkah laku dan cara berfikir kepada yang lebih baik.

Operasi & Pemantauan Kepatuhan Kepada SOP Di Masjid Dan Surau Semasa PKP

Bermula 18 Mac 2020

- Bertitik tolak arahan dari kerajaan bagi mematuhi SOP semasa PKP dan mengekang penularan covid 19 dari berleluasa.
- Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAIPK turut sama membantu kerajaan bagi mengekang penularan.
- Operasi dijalankan berpandukan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bertarikh 25 Mac 2020.
- Semua masjid dan surau tidak boleh mengadakan solat fardhu 5 waktu secara berjemaah serta solat Jumaat sehingga tamat PKP.
- Hanya 3 orang dibenarkan iaitu imam, muazzin dan seorang jemaah.
- Operasi dijalankan di seluruh Negeri Perak.

Ujian Tilawah Al-Quran Remaja Peringkat Negeri Perak Secara Online

12 Mei 2020 Hingga 18 Mei 2020

Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta Jabatan Penerangan Perak.

- Exco Agama Islam dan Penerangan Perak, Mohd Akmal Kamarudin berkata, penganjuran tersebut dilaksanakan bagi menyemarakkan Ramadhan dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) juga bersempena sambutan Nuzul Quran tahun ini.
- Bertemakan 'Moh Kome Kite Ngaji', ujian ini terbuka kepada anak kelahiran Perak berumur 15 hingga 21 tahun dengan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM11,700.00 menanti pemenang. Terdapat dua kategori ujian ini iaitu Kategori Lelaki dan Wanita.
- Konsep ujian ini selaras dengan tempoh PKPB, dan ia diadakan sepenuhnya secara dalam talian.
- Peserta perlu merakam bacaan ayat al-Quran dalam bentuk video berdurasi kurang lima minit dan menghantar rakanan tersebut ke pautan yang disediakan dengan Tarannum wajib Bayyati serta Sikah.



Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu.



Pemenang tempat pertama bagi setiap kategori akan menerima wang tunai RM2,000 berserta sijil diikuti RM1,500 bagi naib johan manakala tempat ketiga menerima RM1,000. Bagi tempat keempat, kelima dan keenam pula, masing-masing akan menerima wang tunai RM500 manakala RM300 akan diberikan kepada peserta yang mendapat tempat ketujuh hingga 10.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 Jabatan Agama Islam Perak

23 Jun 2020

Bertempat di Bahagian Khidmat Pengurusan, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh. Seramai 55 orang penerima dipilih dari kalangan warga JAIPK termasuk di daerah-daerah.

Penganugerahan juga diberikan untuk kategori :

Anugerah Pengurusan Terbaik tahun 2019 :

- Kategori Bahagian : Bahagian Pengurusan Masjid
- Kategori Sekolah : Maahad Menengah Tahfiz Darul Ridzuan daerah Kerian

Anugerah Khas Sifar Teguran Audit Tahun 2019 :

- Pejabat Agama Daerah Batu Gajah
- Pejabat Agama Daerah Kampung Gajah
- Sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan dan bahagian yang menunjukkan prestasi cemerlang bagi tahun 2019.
- Peniup semangat kepada kakitangan yang lain agar terus bekerja dengan lebih cemerlang.



Anugerah kepada para penerima.



Majlis berlangsung dalam keadaan terkawal mematuhi garis panduan yang ditetapkan semasa PKPP.

Program Pemukiman Takmir Negeri Perak

Bersama Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Dan Penerangan Negeri Perak Tahun 2020

27 Jun 2020

Program Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid JAIPK dengan kerjasama Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Daerah Selama dan Unit Pelancongan Majlis Daerah Selama.

Bertempat di Rest House Selama Inn Daerah Selama Perak

- Memberi peringatan berkenaan peranan dan tugas Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Negeri Perak juga selaku duta JAKIM di Perak.
- Majlis penyampaian tausiah oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam kepada PPMD.



Yang Berhormat Ustaz Mohd Akmal Bin Kamarudin Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Dan Penerangan Negeri Perak menyampaikan amanat.



Antara PPMD yang hadir.

Majlis Pendaftaran Pelajar Baharu Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Darul Quran JAKIM Bagi Lokasi Tambahan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Perak Intim Bagi Sesi 2020/2023

Dan Pelancaran Elektif Hadith Bagi Program Diploma Tahfiz Al Quran

13 Julai 2020

- Memberi matapelajaran pilihan kepada pelajar selain matapelajaran sedia ada iaitu Ilmu Qiraat bermula semester tiga
- Elektif Hadith ini terbuka kepada pelajar mulai pengambilan sesi 2020/ 2023 ini
- Melahirkan pelajar yang mampu menguasai ilmu Al Quran dan arif berkenaan ilmu hadith.



Majlis pelancaran oleh YB. Tuan Mohd Akmal Bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Dan Penerangan Negeri Perak.



Sesi pendaftaran pelajar baru bagi sesi 2020/2023.

Pelancaran TVET Islamik (TEKNOHAFIZ)

23 Julai 2020

Bertempat di Laman Seri Ridzuan, Jalan Raja Dihilir. Teknohafiz ini dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Perak dan digerakkan oleh Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) sebagai sekretariat.

- Memberi pendedahan kepada pengusaha sekolah-sekolah TVET tentang kepentingan tahfiz bagi mempelajari kemahiran TVET.
- Membangunkan modul latihan komprehensif dengan menerapkan skim latihan kemahiran dalam sistem pengajaran sekolah tahfiz sedia ada.
- Dapat melahirkan Huffaz yang mempunyai nilai tambah ilmu kemahiran tersendiri dan mampu bersaing dalam pasaran kerjaya.
- Mencipta lebih banyak peluang untuk mereka menempatkan diri dalam kelompok masyarakat kelak tidak terhad di pusat tahfiz, surau atau masjid sahaja.
- Melahirkan pentadbir negara dan ahli profesional yang dilatih sejak di pusat tahfiz lagi.



Pelancaran ini dirasmikan oleh YB Tuan Hj Razman Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Masyarakat Sipil Perak dengan tema "Ke Arah Melahirkan Huffaz Profesional".



Program ini dihadiri oleh 83 buah pusat tahfiz di Negeri Perak, serta institut latihan kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), GIATMARA, RISDA, Institut Kemahiran MARA dan Kolej Komuniti Sungai Siput yang mewakili semua cawangan yang terdapat di Negeri Perak.




Penerangan halatuju program oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak, YB Ustaz Mohd Akmal Hj Kamarudin.

TEKA SILANG KATA

Jom Kenali Malaysia

5

HADIAH
MISTERI
MENANTI
ANDA



MELINTANG

- Ibu Negeri Sarawak
- Bandaraya bersejarah
- Lagu kebangsaan negara kita ialah lagu?
- Kuala Lumpur, _____ negara Malaysia
- Tun Abdul Razak adalah Perdana Menteri ke _____ ?
- Malaysia mempunyai 14 buah _____

KE BAWAH

- Tunku Abdul Rahman adalah bapa _____ ?
- Pakaian tradisional masyarakat cina
- Malaysia mengamalkan sistem _____ Berparlimen
- Bunga Kebangsaan, bunga _____
- Bulan Kemerdekaan
- Jenama kereta Malaysia
- Warna _____ pada Jalur Gemilang melambangkan perpaduan

Tarikh tutup penyertaan : 16/11/2020

NAMA : UMUR : TAHUN

ALAMAT :

NO. TELEFON : E-MEL :

SYARAT DAN PERATURAN

- Penyertaan terbuka kepada semua pembaca al-Ridzuan.
- Tarikh tutup penyertaan : 16/11/2020
- Penyertaan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- Pemenang dikira jika menjawab semua petak dengan betul.
- Isikan semua petak dengan **HURUF BESAR** dengan jelas.

- Hantarkan gambar jawapan anda beserta maklumat penyertaan dan hantarkan kepada pihak urusetia menerusi alamat e-mel seperti di bawah dengan subjek "Jawapan silang kata 1" :
ukmjaipk@gmail.com
- Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau e-mel.
- Keputusan hakim adalah muktamad.

A hand is shown holding a human skull over a bowl containing a green liquid. The background is dark and textured, possibly representing soil or a natural setting. The skull is positioned on the right side of the frame, and the hand is on the left, with fingers gripping the top of the skull. The bowl is in the center, and the liquid inside is a vibrant green color.

Soal Jawab Berkaitan Pengubatan Islam

Bab 1

Soalan :

Akhir-akhir ini rawatan alternatif semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Apakah yang dimaksudkan dengan perawatan alternatif, dan adakah ia berbeza dengan rawatan konvensional (alopati) ?

Jawapan :

Perawatan bermaksud perihal (perbuatan) merawat, pemeliharaan, penyelenggaraan, pembelaan dan penjagaan. Perkataan-perkataan yang sinonim ini memberikan makna yang sama iaitu kelakuan bagi tujuan memastikan sesuatu itu terus atau kembali berada dalam keadaan yang baik.

Alternatif bermaksud satu pilihan antara dua pilihan. Pengertian dari sudut bahasa yang dikemukakan ini memberikan nilai yang sama antara kedua-dua pilihan ini tanpa melebihikan satu pilihan atas pilihan yang lain. Justeru, dari sudut bahasa, perawatan alternatif adalah merupakan satu pilihan lain kepada jenis perawatan yang telah sedia ada dan diguna pakai secara meluas oleh masyarakat.

Dari sudut penggunaan istilah “perawatan istilah”, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPTK, KKM) telah menggambarannya sebagai

kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden. Ia bersesuaian dengan penggunaan Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan yang telah memberikan definisi Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (Tradisional & Complementary Medicine Practise) sebagai “amalan perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan bersama, selain daripada perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berdaftar seperti yang terkandung dalam Akta Perubatan 1971.”

Dapat dirumuskan bahawa “perawatan alternatif” merujuk kepada kaedah perawatan yang berlainan daripada kaedah perawatan konvensional atau moden tetapi mempunyai nilai yang setara mengikut keadaan dan keperluan. Namun begitu, dari sudut objektif kedua-duanya adalah sama, iaitu memberikan kesembuhan dan kesejahteraan.

قسنن لقمان الحكيم

جاءوهكن ديريمو دري برهوتغ، کران سسوغکوهش برهوتغ
ايت بوليه منجاديکن ديريمو هينا د وقتو سياغ دان کليسه
د وقتو مالم .

INFO MERDEKA: JOM KENALI TEMA DAN LOGO HARI KEBANGSAAN 2020

Tahukah anda, tema Hari Kebangsaan 2020 ialah **Malaysia Prihatin**. Pemilihan tema ini adalah selari dengan keadaan semasa negara dalam memerangi Pandemik Covid-19.



Sumber : Jabatan Penerangan Malaysia